

Kempunan tuai hasil jagung

Pengusaha rugi lebih RM500 gara-gara Parit Pakat tidak diselenggara

SEKINCHAN - Seorang pengusaha tanaman jagung di Ban Kanal Sungai Leman di sini kerugian lebih RM500 selepas 600 pokok jagung yang baharu ditanamnya sejak tiga minggu lalu musnah akibat digenangi air.

Zulkifli Ibrahim, 32, berkata, kawasan tanaman jagung seluas 1.2 hektar itu dipenuhi air sejak dua minggu lalu disebabkan masalah Parit Pakat di Parit 9, di sini, tersekat.

Menurutnya, parit itu tidak dapat mengalirkan air dengan lancar ke pantai berhampiran akibat ditumbuhi rumput dan pokok renek yang tidak diselenggara sejak sekian lama.

"Masalah ini bertambah buruk apabila hujan berterusan dan air tak dapat mengalir terus ke parit yang tersumbat akibat ditumbuhi rumput," katanya kepada *Sinar Harian*.

Zulkifli berkata, dia juga menabur racun empat bulan

“Masalah ini bertambah buruk apabila hujan berterusan dan air tak dapat mengalir terus ke parit yang tersumbat akibat ditumbuhi rumput.” - Zulkifli Ibrahim

sekali bagi mematikan rumput dan pokok renek dalam parit itu, bagaimanapun ia tidak berkesan selagi tiada kerja penyelenggaraan parit.

Sehubungan itu, katanya, dia menggesa JPS menjalankan kerja penyelenggaraan segera bagi menangani masalah sistem perparitan di situ agar lebih sistematis bagi membantu petani meningkatkan hasil pertanian.

"Seingat saya, inilah kejadian paling teruk berlaku sejak saya menanam jagung di sini lebih 20 tahun lalu. Mungkin pendapatan saya juga akan terjejas sekiranya JPS tidak menjalankan tindakan sewajarnya," katanya.

Zulkifli berkata, masalah

itu berlaku selepas JPS mengambil alih semula kerja penyelenggaraan parit yang sebelum ini diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Katanya, sistem perparitan dan pengairan sangat penting di kawasan itu kerana tanpa penyelenggaraan berterusan, ia pasti akan merosakkan tanaman jagung yang ditanam empat kali setahun.

Menurutnya, dia telah mengeluarkan modal untuk perbelanjaan membina batas dan membeli baja, namun jika tanaman rosak dan tidak menjadi, dia terpaksa mengeluarkan modal berikutnya.



Zulkifli (depan) menunjukkan kawasan tanaman jagungnya musnah akibat digenangi air sejak dua minggu lalu.

"Saya tak akan mendapat keuntungan dan pulangan modal sekiranya tanaman rosak," katanya.

Dia berkata, kemusnahannya tanaman itu menyebabkan bekalan jagung yang dijual kepada pembeli tepi jalan juga

terganggu hingga memaksanya mendapatkan bekalan jagung daripada pengusaha lain.